

# REXOM<sup>TM</sup> POTASSIUM CITRATE MIXTURE

Potassium Citrate/Citric Acid Anhydrous (1.5g/250mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate
2. Bagaimana REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate berfungsi
3. Sebelum mengambil REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate
4. Cara mengambil REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate
5. Semasa menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate

Untuk melegakan gejala *cystitis* (keradangan pundi kencing) dan lain-lain jangkitan saluran kencing yang ringan.

## Bagaimana REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate berfungsi

Potassium citrate bertindak menjadikan air kencing berkali dengan memberikan kelegaan daripada kesakitan dan ketidakselesaan semasa membuang air kecil sebagai rawatan jangkitan saluran kencing.

## Sebelum menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate jika mempunyai:

- alahan kepada potassium citrate atau bahan-bahan lain di dalamnya.
- tahap kalium yang tinggi di dalam darah
- degupan jantung yang tidak normal
- penyakit Addison's (penghasilan hormon steroid yang tidak mencukupi).
- Masalah buah pinggang

### -Sebelum menggunakan ubat ini

Gunakan dengan berhati-hati pada warga tua.

### Mengandung dan menyusukan anak

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda

mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Ia mungkin terjejas oleh REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi.

Ia mungkin mengganggu:

- potassium sparing diuretics (meningkatkan pengeluaran air kecil tanpa kehilangan kalium)
- ACE inhibitors (untuk merawat tekanan darah tinggi)
- Ciclosporin (untuk menghalang aktiviti sistem imun)
- Cardiac glycosides (untuk merawat kegagalan jantung dan degupan jantung yang tidak teratur)
- Salicylates (untuk mengurangkan kesakitan dan demam)
- Tetracyclines (untuk merawat jangkitan)
- Barbiturate (untuk merawat sawan)
- Sympathomimetics dan stimulant (untuk merawat tekanan darah rendah dan kegagalan jantung)

## Cara mengambil REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate

### -Berapa banyak harus diambil

- Sentiasa gunakan REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti
- Campuran perlu dicairkan dengan air, selepas makan.
- **Goncang sebelum digunakan.**

### Dos biasa

#### Cystitis:

Dewasa & kanak-kanak 6 tahun ke atas: 10 ml

Kanak-kanak 1-6 tahun: 5ml

### -Bila perlu diambil

Diambil 3 kali sehari. Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate secara berlebihan mungkin menyebabkan:

- Mual
- Muntah
- Kesakitan di bahagian abdomen
- Simptom akibat hiperkalemia dan asidosis metabolik seperti degupan jantung yang tidak normal, kesakitan otot dan kelemahan otot.
- pernafasan yang cepat dan lemah dan kekeliruan.

## Semasa menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Potassium Citrate.

# REXOM™ POTASSIUM CITRATE MIXTURE

Potassium Citrate/Citric Acid Anhydrous (1.5g/250mg per 5ml)

---

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

#### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM™ Potassium Citrate dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

#### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan REXOM™ Potassium Citrate terhadap anda.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, REXOM™ Potassium Citrate boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Mual yang ringan
- Muntah kerana kerengsaan gastrik.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM™ Potassium Citrate**

##### -Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

##### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### -Rupa dan warna produk

Cecair tidak berwarna dengan perisa lemon.

##### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi 1.5g Potassium citrate.

- Bahan-bahan tidak aktif  
Citric Acid Anhydrous BP, Flavour  
Lemon, Sodium Benzoate, Sugar  
Syrup dan Purified water.

##### -Nombor MAL

MAL19962488X

#### **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.  
Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park  
Phase 4, 11900 Penang,  
Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RIMUP**

07/03/2025

#### **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)301017/00291